NLP diasaskan oleh John Grinder dan Richard Bandler pada awal 1982 bertujuan membolehkan seseorang individu itu menjadi cemerlang dalam masa yang singkat. Sehingga kini, NLP menjadi popular dan diaplikasikan dalam semua bidang termasuk pendidikan walaupun masih belum meluas (Carey et al., 2010). Malah ramai pakar-pakar NLP mula menjadikan individu-individu di bidang selain psikologi sebagai model untuk dijadikan teknik dalam NLP terutamanya dalam bidang pendidikan (Dilts, 1998). Antaranya adalah Strategi Disney.

Strategi Disney merupakan salah satu teknik yang dimodelkan menggunakan NLP oleh Robert Dilts. Teknik ini dimodelkan berdasarkan kecemerlangan Walt Disney membawa idea-idea baharu untuk filem animasi dari fantasi menjadi realiti. Terdapat kajian yang menunjukkan Strategi Disney ini boleh meningkatkan KBAT (Beeden, 2008) dan menyelesaikan masalah manusia berkaitan dengan afektif seperti kebimbangan (Dilts, 1998). Namun, kajian-kajian ini hanya melibatkan mata pelajaran seni dan sastera.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Matrikulasi

Pada tahun 1998, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Matrikulasi bagi menyelaraskan semua Program Matrikulasi termasuk Asasi yang sebelum ini dikendalikan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Matrikulasi ini penting bagi menampung pertambahan jumlah pelajar Bumiputera yang cemerlang daripada lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang perlu mengikuti pengajian peringkat pra universiti terlebih dahulu sebelum ke IPTA. Kumpulan pertama pelajar ke Matrikulasi ini terdiri daripada pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Pemilihan pelajar ini dilakukan berdasarkan kepada keputusan peperiksaan percubaan SPM mereka. Pelajar ini telah ditempatkan sementara di Kolej Yayasan Pendidikan MARA, Bangi kerana pada ketika itu Kolej Matrikulasi Melaka dan Kolej Matrikulasi Labuan dalam proses pembinaan. Pada tahun 1999, dua kolej tersebut telah membuat pengambilan seterusnya dalam Jurusan Sains dan Perakaunan. Tempoh pengajian pada peringkat permulaan adalah selama setahun enam bulan iaitu tiga semester. Pada tahun berikutnya, tiga lagi kolej

matrikulasi mula beroperasi iaitu Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dan Kolej Matrikulasi Perlis.

Untuk memastikan matrikulasi berada pada landasan yang betul, pengurusan dan pengendalian program telah berpandukan kepada program yang sedia ada di IPTA dengan membuat sedikit pengubahsuaian mengikut keperluan KPM. Kepakaran IPTA masih digunakan dalam urusan penggubalan, penilaian, pemeriksaan dan juga pembangunan kurikulum serta dalam hal-hal lain yang berkaitan. Malahan kursus-kursus peningkatan profesionalisme pensyarah juga masih menggunakan tenaga pakar dari IPTA.

Bagi kemasukan ke matrikulasi, pemilihan dibuat berdasarkan sistem meritokrasi iaitu 90% akademik dan 10% kokurikulum. Pelajar perlu melepasi syarat minimum mata pelajaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Matrikulasi (BM) iaitu seperti di jadual berikut :

Jadual 1.1

Syarat Kelayakan Minimum Ke Matrikulasi

Jurusan Sains		Jurusan Perakaunan		Jurusan Teknikal	
Mata pelajaran	Gred	Mata pelajaran	Gred	Mata pelajaran	Gred
Bahasa Melayu	C	Bahasa Melayu	C	Bahasa Melayu	C
Bahasa Enggeris	C	Bahasa Enggeris	C	Bahasa Enggeris	C
Matematik	C	Matematik	C	Matematik	B
Matematik Tambahan	C	Matematik Tambahan	C	Matematik Tambahan	C
Kimia	C	Kimia	C	Kimia	C

Syarat kelayakan ini penting agar pelajar mempunyai asas yang kukuh dalam mata pelajaran tersebut bagi menempuh sistem pembelajaran di matrikulasi yang lebih mencabar dan jadual pembelajaran yang padat berbanding sekolah. Terdapat dua

program yang ditawarkan iaitu Program Satu Tahun (PST) dan Program Dua Tahun (PDT). Bagi pelajar yang mendapat gred D pada SPM untuk mata pelajaran Matematik Tambahan, mereka akan ditawarkan ke PDT. PdP mengandungi dua semester dalam setahun iaitu PST selama dua semester dan PDT selama empat semester. PDT hanya ditawarkan kepada jurusan sains sahaja manakala PST terbuka kepada semua jurusan iaitu sains, perakaunan dan teknikal.

Di matrikulasi, terdapat tiga mod pengajaran PdP yang berbeza iaitu kuliah, tutorial dan pratikum. Setiap mata pelajaran mengandungi gabungan mod pengajaran yang berbeza mengikut kesesuaian. Contohnya mata pelajaran Matematik yang mengandungi dua mod pengajaran pdp iaitu kuliah dan tutorial, manakala mata pelajaran Kimia mengandungi mod pdp kuliah, tutorial dan pratikum.

Matlamat utama pembelajaran di matrikulasi ialah menyediakan pelajar untuk mereka bersaing di peringkat ijazah pertama di universiti. Ini bagi membantu pelajar lepasan matrikulasi bersaing dengan pelajar lepasan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) dan lepasan diploma serta mampu mengikuti pembelajaran di universiti yang bersifat lebih terbuka. Oleh itu struktur sistem pembelajaran di matrikulasi juga menggunakan sistem semester seperti universiti. Setiap semester mengandungi 18 minggu (Bahagian Matrikulasi, 2016). Rasional penggunaan sistem semester ini adalah memberi ruang kepada kolej untuk melaksanakan sistem Penilaian Berterusan (PB) dan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM).

Namun begitu, oleh kerana matrikulasi menggunakan sistem yang berbeza berbanding sekolah dan pelajar wajib berada di asrama, maka pelajar perlu menyesuaikan diri. Sistem semester setahun juga memerlukan pelajar sentiasa fokus

dan tidak boleh terleka kerana jika pelajar tertinggal dengan pembelajaran, akan menyebabkan mereka mengalami tekanan.

1.2.2 PdP Matematik dan Konsep Kebarangkalian di Kolej Matrikulasi

Terdapat dua jenis mata pelajaran yang dipelajari di Matrikulasi iaitu mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib. Semua mata pelajaran teras akan diambil kira untuk pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) manakala mata pelajaran wajib adalah disyaratkan pelajar lulus sahaja. Berikut adalah mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib yang ditawarkan di Matrikulasi.

Jadual 1.2

Mata Pelajaran Teras dan Wajib Matrikulasi

Mata Pelajaran Teras	Mata Pelajaran Wajib
Matematik	Bahasa Inggeris
Kimia	Agama Islam atau Moral
Biologi	Kemahiran Dinamika
Fizik	Ko-kurikulum
Sains Komputer	
Perakaunan	
Ekonomi	
Perniagaan	

Penilaian mata pelajaran teras melibatkan penilaian berterusan (PB) dan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM). Pelaksanaan PB bermula pada hari pertama pengajian pelajar sehingga hari terakhir pengajian yang merangkumi tugas tutorial, kuiz, ujian, kerja amali, kehadiran dan projek yang memberi markah sebanyak 20% atau 30% bergantung pada mata pelajaran. Di akhir semester, pelajar akan menduduki PSPM yang memberi markah sebanyak 70% atau 80% mengikut

mata pelajaran. Keputusan akhir penilaian semua mata pelajaran akan diberi dalam bentuk gred. Setiap gred diwakili mata nilai.

Jadual 1.3

Pengiraan PNGS dan PNGK

Perkara	Formula
Mata	Jam Kredit Mata Pelajaran x Mata Nilai
PNGS	Jumlah Mata / Jumlah Jam Kredit Semester Berkenaan
PNGK	Jumlah Mata Keseluruhan / Jumlah Jam Kredit Keseluruhan

Bagi mata pelajaran Matematik, jumlah PB adalah 20% dan PSPM sebanyak 80%. Pelajar perlu mengikuti kuliah dan tutorial untuk mata pelajaran ini dan kehadiran adalah wajib. Penyampaian kuliah berbentuk komunikasi sehalu antara pensyarah kepada pelajar. Segala kandungan pengetahuan yang perlu dikuasai oleh pelajar akan disampaikan oleh pensyarah selama tiga jam pertemuan seminggu yang merangkumi 10 topik untuk setiap semester (Bahagian Matrikulasi, 2016).

Topik-topik ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam semasa kelas tutorial. Kelas tutorial ini bertujuan membantu pelajar memahami kandungan pelajaran yang telah disampaikan dalam kuliah dengan komunikasi dua hala. Kelas tutorial ini adalah sesi yang sangat penting bagi pelajar untuk menguasai kandungan matematik tersebut sebelum ke kandungan pelajaran yang seterusnya. Pensyarah bebas memilih pendekatan pdp yang sesuai mengikut topik kerana strategi pdp yang berbeza diperlukan untuk topik yang berbeza bagi memaksimumkan penerimaan pelajar dan tiada ketetapan strategi yang perlu digunakan. Ini bagi memberi ruang kepada pensyarah merancang aktiviti pdp mengikut tahap pelajar dan tahap kesukaran kandungan topik yang ingin dibincangkan.

Matematik di Matrikulasi terdiri daripada lima komponen utama iaitu Geometri, Trigonometri, Kalkulus, Statistik dan Kebarangkalian. Terdapat tiga topik dalam komponen kebarangkalian iaitu Kebarangkalian, Pemboleh Ubah Rawak dan Taburan Kebarangkalian Khas. Ketiga-tiga topik ini merupakan topik yang terakhir dalam mata pelajaran Matematik di Matrikulasi yang akan dipelajari pada semester yang kedua (Bahagian Matrikulasi, 2015).

Untuk mencapai setiap hasil pembelajaran ini pelajar perlu menguasai proses dan strategi penyelesaian yang berbeza kerana soalan dalam topik ini biasanya diberi dalam masalah berbentuk ayat. Masalah berbentuk ayat dalam matematik ini telah diperkenalkan sejak sekolah rendah lagi dan menjadi komponen penting dalam kurikulum pendidikan di Malaysia kerana dapat meningkatkan KBAT pelajar dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kebarangkalian adalah elemen penting dalam matematik. Pengetahuan ini digunakan dalam kehidupan seharian manusia seperti dalam permainan, pemrosesan data, insurans, ekonomi, dan sains. Adalah penting bagi pelajar untuk mempelajari konsep kebarangkalian kerana topik ini digunakan dalam menyelesaikan masalah (Widyawati et al., 2018).

Oleh kerana matrikulasi menggunakan sistem semester, maka menjadi cabaran kepada pelajar untuk sentiasa fokus dan tidak ketinggalan dengan pengajaran. Pensyarah juga tidak mempunyai masa yang lebih untuk mengulangkaji kerana konsep matrikulasi yang ingin pelajar berdikari dalam pembelajaran.

Maka dengan itu, jika pelajar tidak bersedia dari aspek emosi terutamanya boleh menyebabkan mereka mengalami tekanan. Walaupun matrikulasi telah

merangka program orientasi bagi pelajar baharu, namun masih ada pelajar yang tidak menguasai topik-topik berkaitan kebarangkalian ini.

1.2.3 KBAT dan Pelajar Matrikulasi

Di Matrikulasi, pendidikan bukan dilihat semata-mata sebagai pemindahan pengetahuan daripada seorang pensyarah kepada pelajar tetapi pendidikan menjadi salah satu cara untuk menyediakan pelajar menghadapi setiap cabaran di era moden (Bahagian Matrikulasi, 2018c). Sebagai persediaan menghadapi cabaran global, terdapat perubahan dalam kurikulum pendidikan di matrikulasi dengan mengambil kira cabaran global semasa. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPIP) dalam sistem pendidikan Malaysia kini mula mengemas kini hala tuju pembelajaran, salah satunya memfokuskan kepada pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan matrikulasi terlibat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a). KBAT sebagai kemahiran kognitif amat diperlukan oleh pelajar di Matrikulasi, dan salah satunya ialah dalam mata pelajaran matematik. KBAT merupakan kemahiran yang perlu ada dalam setiap pelajaran (Sulaiman, Muniyan, Madhvan, Hasan, Rahim, 2017). Pelaksanaan KBAT dalam pembelajaran matematik bertujuan untuk mengubah persepsi bahawa matematik merupakan mata pelajaran yang sukar, dan menarik perhatian pelajar untuk mempelajari matematik di matrikulasi (Abdullah, Mokhtar, Halim, Ali, Tahir, & Kohar, 2017). Selain itu, KBAT memainkan peranan dalam latihan pemikiran logik dan kritis, serta kemahiran menaakul, yang asas kepada kehidupan seharian. Set kemahiran ini juga merupakan sebahagian daripada pencapaian akademik (Marshall & Horton, 2011). Ia menunjukkan KBAT merupakan aspek penting dalam proses pembelajaran dan pencapaian KBAT pelajar perlu dinilai untuk menentukan sejauh mana KBAT pelajar dalam proses pembelajaran.

Pelbagai kajian antarabangsa, seperti TIMSS dan PISA boleh digunakan sebagai rujukan kepada pencapaian KBAT pelajar (Apino & Retnawati, 2017). Dalam TIMSS 2015, bagi kemahiran matematik, Malaysia berada pada kedudukan yang lebih rendah dan kemahiran pelajar masih dalam domain mengetahui, memahami dan mengaplikasi atau dalam kemahiran berfikir aras rendah (KBAR). Dalam domain menganalisis, menilai dan mencipta, atau KBAT kemahiran pelajar masih sangat rendah (Mullis et al., 2014). Begitu juga dalam PISA 2015, Malaysia berada di tangga ke-115 kedudukan daripada 124 negara yang mengambil bahagian (OECD, 2019). Hasil kajian ini telah memberikan maklumat bahawa KBAT pelajar di Malaysia masih rendah.

Masih terdapat pelajar matrikulasi yang belum menguasai KBAT (Padmanaban Madawan et al., 2017). Pelajar-pelajar ini telah belajar matematik selama enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Namun masih belum mampu mencapai KBAT. Pelajar hanya dapat menyelesaikan masalah matematik di aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi sahaja (Hadi et al., 2018). Puncanya asas matematik yang lemah (Jailani et al., 2020). Pelajar akan mengalami pengalaman-pengalaman negatif apabila lemah semasa pembelajaran. Wayang minda yang terbina dari pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh manusia akan menyimpannya (Bandler et al., 1985). Isu ini akhirnya menyebabkan kebimbangan matematik berlaku (Sokolowski & Ansari, 2017).

Apabila di peringkat matrikulasi, pelajar telah mengalami kebimbangan matematik yang kuat. Oleh itu pengalaman-pengalaman di wayang minda ini perlu di hapuskan terlebih dahulu dengan menggunakan Strategi Disney Berasaskan NLP (Disney^{NLP}). Strategi ini yang terdiri daripada tiga elemen penting iaitu pernafasan,

monolog dan imaginasi mampu menghapuskan pengalaman negatif ini dan membina keyakinan pelajar (Mohamad Tahar Mohamad Amirnudin & Salmiza Saleh, 2020a).

1.2.4 Kebimbangan Matematik dan Pelajar Matrikulasi

Sistem pendidikan di Malaysia mewajibkan pelajar belajar matematik bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil masa selama 11 tahun (KPM, 2013). Ini bagi melahirkan pelajar yang dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran matematik dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam kehidupan seharian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Penerapan nilai dalam pembelajaran matematik di lakukan agar dapat memupuk pelajar menghayati matematik dan menambah minat serta keyakinan pelajar terhadap matematik. Ini bagi melahirkan pelajar yang sentiasa bersemangat untuk mempelajari matematik dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Pembelajaran matematik juga sepatutnya menarik dan tidak memberi tekanan kepada pelajar yang boleh menyebabkan kebimbangan matematik berlaku.

Kebimbangan matematik boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang dan ia telah menjadi masalah yang sering dihadapi oleh golongan pelajar. Kajian pertama mengenai kebimbangan matematik ini telah dilakukan oleh seorang guru matematik pada tahun 1950 untuk mengetahui dengan lebih mendalam masalah ini dan mencari rawatannya. (Bayazit, 2017).

Terdapat kajian yang menunjukkan pelajar di Matrikulasi mempunyai kebimbangan matematik (Effandi et al., 2012; Asiahwati et al., 2014; Marzita & Siti Zaleha, 2016; Syed Azman Syed Ismail, & Siti Mistima Maat, 2017). Ini berpunca dari banyak faktor seperti ponteng kelas, imej diri yang negatif, kemahiran mengatasi

masalah yang lemah, sikap pendidik yang mengajar matematik melalui latihan tanpa pemahaman (Norwood, 2014).

Namun, faktor utama kebimbangan ini yang telah diakui ramai pengkaji adalah pengalaman-pengalaman lepas yang negatif (Cipora et al., 2022; Khasawneh et al., 2021). Segala pengalaman manusia tersimpan di wayang minda manusia dan akan mempengaruhi emosi dan pemikiran manusia jika situasi yang sama berlaku (Marks, 2019). Pengalaman ini akan ditayangkan semula diminda jika menerima rangsangan yang sama (Kirenskaya et al., 2011). Oleh itu pembelajaran yang dapat menghapuskan pengalaman-pengalaman ini adalah sesuai untuk mengurangkan kebimbangan matematik ini.

1.2.5 Strategi Disney Berasaskan NLP

John Grinder merupakan seorang Professor di University of California di Santa Cruz dan Richard Bandler adalah seorang pelajar psikologi di universiti yang sama. Pada awalnya mereka berdua telah membuat kajian tentang faktor-faktor yang menyebabkan seseorang individu itu cemerlang dan boleh mengulangi kecemerlangan itu pada masa yang dikehendaki. Pemerhatian mereka mendapati, individu yang mereka kaji mempamerkan pola tingkah laku dan gaya fikir yang tersendiri. Bandler dan Grinder mengenal pasti pola-pola tersebut, seterusnya memantapkannya dan membangunkan teknik yang dinamakan sebagai NLP (Churches & West-burnham, 2008).

NLP juga dikenali sebagai kajian tentang kecemerlangan manusia kerana NLP bukan sahaja mengkaji tingkah laku yang paling berkesan bagi mencapai kecemerlangan tetapi juga mengkaji bagaimana proses itu berlaku meliputi kajian tingkah laku, bahasa, proses mental dan cara berfikir. Metodologi ini dinamakan

pemodelan NLP. NLP telah memodelkan ramai tokoh-tokoh yang hebat dalam sejarah untuk dijadikan model, rujukan dan panduan seperti Virginia Satir, Fritz Perls, Milton Erickson, Aristotle, Sherlock Holmes dan Walt Disney (Seitova et al., 2016).

Strategi Disney telah diasaskan oleh Walt Disney dalam menghasilkan animasi yang kreatif. Strategi ini telah dimodelkan pada tahun 1994 oleh pakar NLP, Robert Dilts (Dilts, 1994). Dalam strategi ini, KBAT digunakan untuk menjana, menilai, mengkritik idea dan menyelesaikan masalah. Strategi ini melibatkan tiga proses iaitu kreatif, realistik dan kritis. Ketiga-tiga proses ini diperlukan untuk penyelesaian masalah yang wujud dan mencari penyelesaian yang berkesan. Proses ini dinamakan *imagineering* (Dilts, 1998).

Strategi Disney ini berbeza dengan teknik Enam Topi Pemikiran yang dicipta oleh Edward De Bono (De Bono, 2017). Strategi Disney menekankan aturan proses yang bermula dengan kreatif, realistik dan berakhir dengan kritis manakala teknik Enam Topi Pemikiran tidak menekankan aturan. Aplikasi Strategi Disney ini juga bukan sahaja melibatkan proses kognitif iaitu berfikir secara kreatif, logik dan kritis tetapi juga melibatkan kawalan kepada emosi. Ini kerana Strategi Disney Berasaskan NLP ini menggunakan komunikasi dengan diri sendiri untuk mempengaruhi sistem minda bagi mengubah emosi dan pemikiran yang diperlukan. Ini dapat memberi kesan yang maksimum kepada proses yang berlaku.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan menggunakan Strategi Disney ini walaupun terhad. Kajian Kotera dan Sheffield (2017) yang mendapati Strategi Disney boleh digunakan dalam pemilihan kerjaya manakala kajian Beeden (2008) mendapati Strategi Disney ini sesuai digunakan dalam pengajaran. Strategi Disney juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir (Bell, 2016).

Kelebihan Strategi ini adalah mampu mengawal dan mengubah pengalaman manusia yang berada diwayang minda menggunakan NLP. Selain itu, fasa-fasa strategi ini membantu manusia mengawal pemikiran mengikut fokus yang diinginkan iaitu kreatif, realistik dan kritis.

1.2.6 Modul Strategi Disney Berasaskan NLP (Modul Disney^{NLP})

Menurut Russell (1974), modul adalah satu pakej lengkap yang mengandungi prosedur pengajaran bagi satu unit mata pelajaran. Penggunaan modul ini telah lama bermula sejak abad ke-19 lagi (Sidek & Jamaludin, 2005). Cuma pada waktu itu, istilah modul masih belum wujud. Namun, satu set rancangan pembelajaran untuk membolehkan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan kemampuan diri sendiri telah dibina (Gibbons, 1970). Itu adalah permulaan bagi pembangunan modul dalam sejarah.

Menurut Russell (1974), modul dapat menjadikan pembelajaran itu lebih sistematik dan tersusun. Penggunaan modul membolehkan pembelajaran menggunakan integrasi semua elemen media dengan berkesan dalam satu topik tertentu. Malah pentaksiran juga boleh dilakukan selepas pelajar tamat pembelajaran sesuatu topik.

Penggunaan modul ini sangat penting kerana ianya dijadikan rujukan dan panduan dalam pembelajaran termasuk di matrikulasi. Bagi mata pelajaran matematik di matrikulasi, terdapat dua modul utama yang digunakan sebagai rujukan untuk pdp iaitu modul kuliah dan modul tutorial. Pembangunan modul ini dibina berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) dan hanya mengandungi kandungan pembelajaran sahaja. Modul ini bertujuan memastikan pdp berada dilandasan yang betul dan

mengikut masa yang ditetapkan. Modul ini dibina oleh barisan pensyarah matrikulasi mengikut kolej masing-masing.

Pembangunan modul pembelajaran matematik di Matrikulasi menggunakan Strategi Disney yang menerapkan KBAT dan dapat membantu mengatasi kebimbangan matematik masih belum pernah dibina dalam konteks pendidikan di Malaysia, khususnya bagi topik Kebarangkalian. Oleh itu pembangunan modul ini perlukan perancangan yang sistematik dan rapi. Modul yang akan dibina ini akan mengandungi aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan pelajar secara aktif kerana pembelajaran begini dapat meningkatkan KBAT dan menjadikan pelajar lebih berminat untuk belajar (Freeman et al., 2014; Roehl et al., 2013). Modul ini juga akan disokong dengan bahan-bahan media yang lain seperti video, audio dan gambar bagi menyokong kepelbagaian pembelajaran pelajar (Yunus & Sanjaya, 2013). Selain itu, modul ini juga menggunakan teknik-teknik NLP bagi memastikan pelajar dapat mengaplikasikan Strategi Disney dengan berkesan.

Objektif utama pembinaan Modul Disney^{NLP} ini adalah mengintegrasikan Strategi Disney Berasaskan NLP dalam pembelajaran bagi mengurangkan kebimbangan matematik dan meningkatkan KBAT pelajar. Terdapat 2 elemen penting dalam Strategi ini iaitu monolog dan imaginasi. Kedua-dua elemen ini berperanan mengubah pengalaman negatif di wayang minda pelajar menjadi positif. Wayang minda ini bukan berperanan untuk berfikir tetapi bertindak mengikut pengalaman yang tersimpan. Oleh itu dengan Strategi Disney^{NLP} ini, wayang minda ini akan diubah simulasinya menjadi positif (Marks, 2018). Tindakan ini boleh mengurangkan kebimbangan matematik pelajar dan seterusnya memberi keyakinan kepada pelajar untuk melakukan aktiviti penyelesaian masalah bagi meningkatkan KBAT pelajar.

Oleh itu, Modul Disney^{NLP} ini perlu dibina dengan menggunakan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia oleh Mayer (2005) untuk memastikan pelajar dapat memahami dan menguasai Strategi Disney^{NLP} ini. Prinsip merancang Modul Disney^{NLP} berdasarkan reka bentuk pengajaran multimedia yang disarankan oleh Mayer (2005) diringkaskan seperti di bawah.

- a. Membuang maklumat-maklumat yang tidak penting.
- b. Terdapat teks berhampiran grafik untuk penjelasan.
- c. Menggunakan gabungan grafik dan teks, bukan teks sahaja.
- d. Menggunakan suara manusia, bukan suara komputer.

1.3 Pernyataan Masalah

Tujuan utama sistem pendidikan adalah untuk melengkapi setiap pelajar dengan ilmu pengetahuan untuk berjaya dalam kehidupan. Justeru itu, sistem pendidikan Malaysia telah memberi fokus terhadap pembangunan kandungan pengetahuan menerusi mata pelajaran seperti sains, matematik dan bahasa. Pelajar sepatutnya berkeupayaan menyelesaikan masalah yang berkaitan dalam kehidupan mereka. Namun begitu, emosi yang merupakan domain dalam pelajar kurang diberi penekanan. Pelajar perlu bersedia dari aspek emosi sebelum pembelajaran. Faktor emosi ini akan menentukan kejayaan dalam penyelesaian masalah semakin kurang diberi penekanan dalam pengajaran di sekolah (Voica et al., 2020). Guru lebih fokuskan pengajaran semata-mata tanpa fikirkan keadaan emosi pelajar akan menyebabkan pelajar tidak bersedia untuk pembelajaran.

Pembelajaran bukan sahaja untuk memperolehi ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk membangunkan kemahiran seperti KBAT. KBAT ini sangat penting dalam suasana dunia yang sentiasa berubah pada masa ini. Pelajar perlu ada keupayaan menganalisis, menilai dan mencipta pengetahuan secara kritis dan kreatif dalam suasana baharu bagi mengharungi kehidupan yang lebih dinamik dan mencabar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a).

Namun kajian yang telah dijalankan oleh Padmanaban et al. (2017) mendapati kesediaan pelajar matrikulasi terhadap KBAT adalah pada tahap sederhana. Pelajar masih belum terdedah dengan KBAT. Kajian awal yang dijalankan oleh pengkaji juga mendapati sebanyak 44.79% pelajar tidak dapat menjawab item KBAT di matrikulasi. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji pada 11 Disember 2018 melibatkan seramai 72 orang pelajar Kolej Matrikulasi Perak. Isu ini juga dapat di kesan semasa Pentaksiran antarabangsa *Trends In International Mathematics And Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) menunjukkan pelajar di Malaysia sukar mengaplikasi KBAT (Mullis et al., 2014; OECD, 2019). Berdasarkan laporan PISA, pencapaian pelajar Malaysia di bawah tahap lima iaitu 92% yang menunjukkan pelajar masih sukar untuk mengaplikasi KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016c). Hanya 2% pelajar Malaysia mendapat markah pada Tahap 5 atau lebih tinggi dalam matematik (purata: 11%). Enam negara di Asia mendapat peratus pelajar mendapat markah pada Tahap 5 atau lebih tinggi dalam matematik iaitu China (44%), Singapura (37%), Hong Kong (29%), Makau (28%), Taipei (23%) dan Korea (21%). Pada tahap 5, Pelajar-pelajar ini dapat memodelkan situasi yang kompleks secara matematik, dan dapat memilih, membandingkan dan menilai strategi penyelesaian masalah yang sesuai untuk menghadapinya.

Laporan TIMSS juga menunjukkan pelajar-pelajar Malaysia masih belum menguasai KBAT iaitu seramai 75% pelajar sukar untuk mengaplikasi KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016b).

Sejajar dengan itu, kerajaan Malaysia melalui KPM telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang mana salah satu fokusnya adalah untuk meningkatkan KBAT. Namun usaha ini sukar untuk berjaya jika pelajar mengalami kebimbangan matematik. Ini berdasarkan laporan PISA, yang menunjukkan bahawa kebimbangan matematik mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar. Terdapat 63 daripada 64 negara yang menyertai PISA, mendapati pelajar yang mempunyai kebimbangan matematik yang tinggi menunjukkan pencapaian matematik yang rendah (OECD, 2013). Malah data PISA juga mendapati 59.26% pelajar Malaysia mengalami kebimbangan matematik. Hakikat ini menunjukkan masalah global ini perlu diberi keutamaan untuk diselesaikan bagi menjamin kecemerlangan pencapaian pelajar (Foley et al., 2017).

Berdasarkan kajian awal yang pengkaji lakukan juga mendapati isu yang sama berlaku di matrikulasi. Seramai 63.77% pelajar mengalami kebimbangan matematik iaitu 31.94% pelajar menyatakan bahawa mereka berasa bimbang semasa berada dalam kelas matematik. Seterusnya seramai 69.44% pelajar menyatakan mereka berasa bimbang mendapat gred rendah dalam matematik dan 27.78% pelajar menyatakan mereka merasa tidak mampu untuk menyelesaikan masalah matematik. Sementara itu, 27.78% pelajar menyatakan mereka sangat gelisah menyelesaikan masalah matematik dan 26.39% pelajar lagi menyatakan mereka sangat tertekan apabila melakukan kerja rumah matematik.

Modul adalah satu pakej lengkap yang mengandungi prosedur pengajaran bagi satu unit mata pelajaran (Russell, 1974). Modul sepatutnya boleh menjadi rujukan utama kepada pensyarah untuk mengajar tanpa bantuan bahan-bahan lain kerana ciri-ciri modul itu sendiri adalah panduan lengkap (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Namun di matrikulasi, modul yang lengkap masih belum ada (Mazlan, 2018). Pensyarah di matrikulasi hanya disediakan buku yang mengandungi soalan-soalan untuk perbincangan dalam tutorial dan soalan-soalan tahun lepas (Padmanaban Madawan et al., 2017). Oleh itu, memang wujud keperluan untuk pembinaan modul yang lengkap di matrikulasi bagi pengajaran matematik.

Disebabkan isu-isu yang wujud ini, maka perlu satu modul pengajaran yang boleh meningkatkan KBAT dan membantu mengurangkan kebimbangan matematik kepada pelajar matrikulasi iaitu Modul Disney^{NLP}. Maka tujuan kajian ini dijalankan untuk membina dan melihat keberkesanan Modul Disney^{NLP} dalam meningkatkan KBAT dan membantu mengurangkan kebimbangan matematik terhadap pelajar matrikulasi bagi topik berkaitan Kebarangkalian. Modul ini penting bagi menyelesaikan isu pembelajaran pelajar yang tidak bersedia semasa pembelajaran dari aspek emosi.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang disusun bagi mencapai tujuan kajian iaitu:

Fasa Satu : Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti keperluan Modul dalam pengajaran matematik di matrikulasi bagi meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik berkaitan Kebarangkalian.

Fasa Dua : Reka bentuk dan Pembangunan Modul Disney^{NLP}

2. Mereka bentuk dan membangunkan Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran matematik di matrikulasi bagi meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik berkaitan Kebarangkalian.

Fasa Tiga : Pelaksanaan dan Penilaian Modul Disney^{NLP}

3. Mengkaji kebolegunaan dan keberkesanan pengajaran menggunakan Modul Disney^{NLP} bagi meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik berkaitan Kebarangkalian berbanding kumpulan pengajaran konvensional.

1.5 Soalan Kajian

Merujuk kepada objektif kajian, berikut adalah soalan kajian yang telah dibentuk :

Fasa Satu : Analisis Keperluan Modul

1. Adakah terdapat keperluan pembangunan modul dalam pengajaran matematik di matrikulasi bagi meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi :
 - a. Apakah wujud keperluan pensyarah matrikulasi terhadap pembangunan modul yang dapat meningkatkan KBAT di kalangan pelajar matrikulasi?
 - b. Adakah wujud keperluan pensyarah matrikulasi terhadap pembangunan modul yang dapat mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi?

- c. Apakah elemen yang perlu disertakan dalam membangun modul dalam pembelajaran matematik di matrikulasi?
- d. Apakah topik sukar yang sesuai disertakan dalam membangun modul dalam pembelajaran matematik di matrikulasi?
- e. Adakah wujud keperluan pelajar matrikulasi terhadap pembangunan modul yang dapat meningkatkan KBAT di kalangan pelajar matrikulasi?
- f. Adakah wujud keperluan pelajar matrikulasi terhadap pembangunan modul yang dapat mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi?

Fasa Dua : Reka bentuk dan Pembangunan Modul Disney^{NLP}

- 2. Bagaimana mereka bentuk dan membangun Modul Disney^{NLP} dalam pembelajaran matematik di matrikulasi bagi meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik berkaitan Kebarangkalian?
 - a. Apakah objektif yang sesuai dalam pembangunan Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi ?
 - b. Apakah isi kandungan dalam Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi ?
 - c. Apakah medium penyampaian yang sesuai bagi Modul Disney^{NLP} dalam topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi ?

- d. Apakah jenis aktiviti yang sesuai dalam Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi ?
- e. Apakah bentuk penilaian yang sesuai dalam Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi?
- f. Apakah kemahiran asas yang diperlukan untuk mengguna Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi?
- g. Berdasarkan Model Sidek, bagaimana Modul Disney^{NLP} dalam pengajaran topik berkaitan Kebarangkalian di peringkat matrikulasi dapat dibangunkan?

Fasa Tiga : Penilaian Kebolegunaan dan Penilaian Keberkesanan Modul Disney^{NLP}

- 3. Apakah penilaian kebolegunaan Modul Disney^{NLP} dalam topik berkaitan Kebarangkalian di kalangan pensyarah matrikulasi?
 - a. Apakah min dan sisihan piawai bagi Tahap Reaksi responden terhadap kebolegunaan Modul Disney^{NLP} ?
 - b. Apakah min dan sisihan piawai bagi Tahap Pembelajaran responden terhadap kebolegunaan Modul Disney^{NLP} ?
 - c. Apakah min dan sisihan piawai bagi Tahap Tingkah Laku responden terhadap kebolegunaan Modul Disney^{NLP} ?

4. Adakah Modul Disney^{NLP} ini berkesan dalam meningkatkan KBAT dan mengurangkan kebimbangan matematik di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik berkaitan Kebarangkalian?
 - a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min ujian pra KBAT dan min soal-selidik pra kebimbangan matematik antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
 - b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min ujian pasca KBAT dan min soal-selidik pasca kebimbangan matematik antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
 - c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min ujian KBAT dan min soal-selidik kebimbangan matematik antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan?
 - d. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min ujian KBAT dan min soal-selidik kebimbangan matematik antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan soalan kajian di fasa ketiga, berikut merupakan hipotesis kajian yang dibina:

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min ujian pra KBAT dan min soal-selidik pra kebimbangan matematik antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.